

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BILANGAN 2 TAHUN 2023

#### PELAKSANAAN PENGURANGAN BAYARAN DENDA BAGI URUSAN PENTADBIRAN TANAH MENURUT KUASA YANG TERKANDUNG DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan mengenai penetapan garis panduan pemberian pengurangan bayaran denda berkait urusan pentadbiran tanah Negeri Kelantan.

2. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dalam Persidangan Kali Kedua (Belanjawan) bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2023 telah mengumumkan bahawa bayaran denda berkaitan lewat bayar cukai tanah, dan lain-lain bayaran denda berkaitan tanah dan pembangunan tanah diberikan diskaun sehingga 90% bagi tempoh 1 bulan berkuatkuasa mulai **1 hingga 31 haribulan Disember 2023**.
3. Berikut diperincikan bentuk-bentuk denda yang boleh diberikan pengurangan :
  - a. Bayaran tunggakan denda lewat cukai tanah yang diperuntukkan di bawah Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 (KKTK 1966) hendaklah diberikan pengurangan sebanyak 90%. Garis panduan pemberian pengurangan ini adalah seperti di **Lampiran I**.
  - b. Denda lewat daftar di bawah Seksyen 293(2) Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) hendaklah diberikan satu (1) kali ganda pengurangan.
4. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan hendaklah menghebahkan tawaran pengurangan ini kepada orang ramai sebagai usaha untuk

menggalakkan pemilik tanah menjelaskan bayaran denda pentadbiran tanah yang tertunggak.

5. Tarikh kuatkuasa Arahan ini adalah bermula pada **1 hingga 31 haribulan**

**Disember 2023**

**DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K. (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**

**KEPADA :**

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan;
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan;
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan;
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan;
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Pegawai Kewangan Negeri Kelantan;
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan;
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM

FAIL : PTG.KN.32/69 JILID 5  
BERTARIKH : 14 JAMADIL AWAL 1445H  
28HB NOVEMBER 2023

**GARIS PANDUAN KEPADA PENTADBIR TANAH BERHUBUNG PERMOHONAN  
PENGURANGAN TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH SEBANYAK 90% DI BAWAH  
KAEDAH 17A, KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966**

---

1. Permohonan ini terbuka kepada semua pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tanpa mengambil kira jumlah tunggakan denda.
2. Hanya tunggakan denda sahaja yang akan dikurangkan sebanyak 90% di bawah peruntukan Kaedah 17A, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966. Bayaran lain seperti cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah dan denda semasa selepas 30 Jun perlu dijelaskan seperti biasa.
3. Kelulusan ini tidak terpakai ke atas mana-mana hakmilik yang telah dikeluarkan Notis 6A sama ada telah mempunyai endorsan Notis Borang 6A di dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) atau tidak. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan semakan ke atas hakmilik pada SPTB dibuat terlebih dahulu sebelum memproses permohonan.
4. Permohonan boleh difailkan di Pejabat Tanah dan Jajahan atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan dengan mengisi borang di **Lampiran A**.
5. Setiap permohonan hendaklah disertakan:
  - i. Resit bayaran memfail permohonan sebanyak RM10.00.
  - ii. Borang permohonan pengurangan tunggakan denda di **Lampiran A**.
6. Permohonan pengurangan bagi beberapa hakmilik yang dimiliki oleh pemilik yang sama atau dimana pemilik adalah salah seorang pemilik bersama, boleh dibuat dalam satu permohonan. Manakala bagi pemilik yang berbeza, permohonan tersebut perlu dibuat secara berasingan.
7. Cukai tanah semasa, cukai tanah tertunggak, tunggakan denda (selepas dikurangkan sebanyak 90%), denda semasa dan lain-lain bayaran yang berkenaan hendaklah dijelaskan sepenuhnya.

8. Tiada permohonan boleh diterima dan difailkan oleh Pentadbir Tanah sekiranya perkara-perkara di atas tidak dipenuhi.
9. Pentadbir Tanah seterusnya hendaklah menghantar senarai permohonan yang lengkap ke Bahagian Hasil, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan untuk tindakan selanjutnya selepas tamat tempoh tawaran pengurangan 90% sebagaimana **Lampiran B**.
10. Tawaran pengurangan tunggakan denda sebanyak 90% ini hanya berkuatkuasa bermula pada 01hb Disember 2023 sehingga 31hb Disember 2023 sahaja. Manakala bagi pemilik tanah yang tidak menjelaskan permohonan pengurangan dalam tempoh tersebut, permohonan pengurangan tunggakan denda dianggap terbatal dan pengiraan semula berdasarkan Arahan PTG Bilangan 1 Tahun 2011 perlu dibuat.
11. Tertakluk kepada tarikh akhir bayaran bagi penutupan akaun tahun kewangan 2023 sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2023.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAI  
15576 KOTA BHARU  
BERTARIKH : 28 NOVEMBER 2023**

Nombor Fail : \_\_\_\_\_

**PERMOHONAN PENGURANGAN BAYARAN DENDA DAN TUNGGAKAN DENDA  
CUKAI TANAH SEBANYAK 90% DALAM TEMPOH 1 DISEMBER 2023 HINGGA  
31 DISEMBER 2023**

---

**A. MAKLUMAT PEMILIK/PEMOHON\***

1. Nama\* : \_\_\_\_\_  
 2. Nombor Kad Pengenalan\* : \_\_\_\_\_ 3. Telefon\* : \_\_\_\_\_  
 4. Emel\* : \_\_\_\_\_  
 5. Alamat\* : \_\_\_\_\_

**B. MAKLUMAT CUKAI TANAH\***

1. Jenis & No. Hakmilik\* : GRN / HSD / PM/ GM / PN / HSM \_\_\_\_\_  
 2. Nombor Lot/PT\* : LOT / PT \_\_\_\_\_  
 3. Jajahan \* : \_\_\_\_\_ 4. Mukim\* : \_\_\_\_\_

TANDATANGAN PEMILIK / PEMOHON

 \_\_\_\_\_  
 TARIKH :

\*Potong yang tidak berkaitan.

**C. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Jumlah yang patut bayar : RM \_\_\_\_\_  
 (sebelum 1 Julai/selepas 30 Jun)  
 Jumlah Tunggakan Denda : RM \_\_\_\_\_  
 (sebelum pengurangan)  
 Jumlah Tunggakan Denda : RM \_\_\_\_\_  
 (selepas pengurangan)  
 Jumlah Denda Selepas 30 Jun : RM \_\_\_\_\_  
 (selepas pengurangan)  
 Jumlah Yang Perlu Bayar : RM \_\_\_\_\_  
 (selepas pengurangan)

DISEDIAKAN OLEH:

DISEMAK OLEH:

DISAHKAN OLEH:

 \_\_\_\_\_  
 PEMBANTU TADBIR

 \_\_\_\_\_  
 PEMBANTU TADBIR  
 KANAN KEWANGAN

 \_\_\_\_\_  
 PENTADBIR TANAH



